

# **PENDERAN DAN PENGABAIAN WARGA EMAS: KAJIAN MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA**

***Issues of Abuse and Negligence of Senior Citizens:  
A Study According to The Law in Malaysia***

***Siti Aisyah Samudin***

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
sitiaisyah.samudin@um.edu.my*

***Adriana Abu Bakar***

*Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
adrianaintan99@gmail.com*

## **ABSTRACT**

*Golden-agers are often referred to as elderly or veterans who have reached old age. In Malaysia, the use of the term 'elderly' refers to a person who has lived long, is old, or is getting old. Cases of elder abuse and neglect are considered to be an increasing concern, with older adults being denied adequate food and care, neglected, or left in hospitals and care. Issues and news stories about abuse are frequently published in newspapers and on social media. The situation is further complicated when it turns out that the perpetrators of this immoral act are usually family members such as children, sons-in-law, or grandchildren. Unlike the issue of child abuse, which often receives immediate attention from the media and society, the issue of elder abuse is often an isolated problem and is rarely reported to the authorities, so older people should be treated appropriately with access to adequate protection and support. Therefore, this article focuses on the issue of elder abuse and neglect through an analysis of the effectiveness of protection for older people involved in cases of abuse and neglect. The data obtained by the documentation*

*method was then analyzed using content analysis and descriptive analysis methods. The results of this study show that existing laws in Malaysia are still insufficient to adequately protect the elderly. As such, some proposals for improving the welfare system for older persons, including government, private sector and community efforts to address and adequately address the problem of elder abuse and neglect are proposed.*

**Keywords:** golden-agers, erderly, abuse, neglect, law reform

## PENDAHULUAN

Warga emas sering diisitilahkan sebagai warga tua atau veteran yang sudah mencapai usia tua. Di Malaysia penggunaan istilah warga emas merujuk kepada individu yang sudah lama hidup, sudah berumur atau meningkat usia (Kamus Dewan, ed. ke-3: 1388). Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat pula, warga emas diklasifikasikan sebagai golongan yang berusia 60 tahun ke atas. *World Health Organization* pula merujuk warga emas sebagai individu yang telah bersara daripada dunia pekerjaan. Manakala Jabatan Perangkaan Malaysia menetapkan umur warga emas adalah pada 65 tahun dan ke atas. Golongan ini sering menjadi sasaran manusia yang tidak bertanggungjawab kerana mereka dianggap lemah dan tidak berdaya untuk melawan. Hal ini dibuktikan dengan peningkatan isu jenayah dan moral dalam kalangan masyarakat antaranya isu melibatkan penderaan dan pengabaian warga emas (Muhammad Hazim, et.al., 2019: 83-90).

Hal ini disokong dengan pernyataan dalam akhbar Utusan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan, Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman menyatakan bahawa kes penderaan warga emas meningkat sehingga 20 peratus semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Melalui petikan akhbar Berita Harian bertarikh 21 Mei 2022 menunjukkan bahawa 1 daripada 100 orang warga emas di Malaysia pernah ditipu dalam soal kewangan. Penipuan ini dilakukan oleh ahli keluarga sendiri atau yang melibatkan sindiket. Bahkan, dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat pada dunia hari ini membuatkan mereka lebih banyak ketinggalan dan kurang pengetahuan tentang sindiket penipuan yang berleluasa (Hasiah Mat Salleh et.al., 2020: 51-61).

Pengabaian yang berlaku kepada warga emas ini turut berpunca daripada anak-anak yang enggan menziarahi ibu bapa, tidak memberi wang sara hidup seterusnya memberi impak ke atas aras kualiti hidup mereka. Warga tua merupakan golongan minoriti bersifat rentan dan memerlukan sokongan

pelbagai pihak khususnya ahli keluarga bagi meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan yang layak dan berupaya mandiri biarpun harus hidup sendirian di penghujung usia. Satu kajian terbitan Lancet Global Health turut mendapati anggaran 16 peratus warga emas melibatkan 28 buah negara telah mengalami penderaan sama ada dari segi fizikal, seksual, psikologi, kewangan dan selainnya. Penemuan daripada kajian ini memberi impak membimbangkan berikutnya setiap kes penderaan yang berlaku kepada warga emas berupaya memberi kesan besar dari aspek kesihatan dan kesejahteraan negara.

Dalam kajian lain, Malaysia dijangka menjadi sebuah negara tua menjelang tahun 2035 apabila 15 peratus daripada jumlah penduduk ketika itu mencapai usia 60 tahun ke atas. Malahan, jangkaan bahawa seramai 320 juta mangsa seluruh dunia akan tercapai pada tahun 2050 ekoran bilangan populasi tua yang semakin bertambah. Hal ini bakal mewujudkan ekosistem negara yang tidak seimbang seterusnya memberi impak negatif terhadap sektor ekonomi, kesihatan dan kebijakan rakyat. Lantaran itu, cadangan kerajaan untuk menggubal akta khusus berkaitan perlindungan kepada warga emas perlu disokong dan dilaksanakan dengan serius dalam usaha memberi perlindungan sewajarnya sekaligus menangani isu penderaan dan pengabaian ke atas golongan rentan ini (Raihanah Abdullah et.al., 2020: t.t.).

Tambahan pula, dalam keadaan negara yang dijangka mencapai negara tua ini, sudah pasti golongan warga emas di Malaysia akan semakin ramai dan keperluan dalam memenuhi hak-hak mereka juga semakin tinggi. Bahkan jumlah penduduk berumur 60 tahun ke atas di Malaysia sejak kebelakangan ini juga semakin meningkat.

Jadual 1: Penduduk berumur 60 tahun dan lebih di Malaysia, 2018-2020

TAHUN	LELAKI	WANITA	JUMLAH
2018	1,578,700	1,646,600	3,225,300
2019	1,643,100	1,718,400	3,361,400
2020	1,708,700	1,792,100	3,500,700

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Statistik Pemerkasaan Wanita Dalam Domain Terpilih, Malaysia, 2021.

Lantaran itu, dalam usaha mencari solusi ke atas kes penderaan dan pengabaian warga emas, langkah proaktif dalam membendung isu ini hendaklah bermula daripada institusi keluarga yang dilihat sebagai unit terpenting berikutan keadaan kelompok keluarga yang positif dan kondusif sedikit banyak memberi kesan ke atas rasa tanggungjawab terhadap setiap ahli keluarga terutama ibu bapa. Selain itu, unit keluarga dilihat penting setelah didapati wujud lambakan kes melibatkan anak kandung mengabai dan menganiaya ibu bapa sendiri. Sebagai contoh, dilaporkan terdapat satu kes yang melibatkan seorang ibu tua berusia 68 tahun dipaksa oleh anaknya untuk menandatangani dokumen pindah milik rumah serta si anak juga bertindak menghabiskan wang simpanan ibunya atas urusan peribadi. Justeru, didikan yang diterapkan dalam sejak kecil tentang sifat kemanusiaan dan juga kasih sayang sesama ahli keluarga akan dapat mengatasi masalah pengabaian warga emas kerana setiap ahli atau anak memahami tanggungjawab masing-masing. Anak-anak yang mengingati setiap pengorbanan ibu bapa mereka sudah pasti tidak akan derhaka dan meninggalkan ibu bapa apabila mereka tua (Muhammad Hazim, et.al., 2019: 83-90).

Seterusnya, umum mengetahui Malaysia telah menjalani tujuh fasa Perintah Kawalan Pergerakan bermula Mac 2020 dengan mengikut kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membendung jangkitan Covid-19. Kajian telah menunjukkan bahawa berlaku peningkatan sebanyak 20 peratus terhadap kes penderaan ibu bapa oleh anak sendiri sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini dilaksanakan. Faktor utama peningkatan ini adalah disebabkan oleh tekanan kewangan dan dadah. Anak-anak ini bertindak melepaskan amarah kepada ibu bapa serta memaksa ibu bapa memberikan wang untuk membeli dadah. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku di Malaysia yang kebanyakannya beragama Islam dan mengetahui tentang kewajipan menghormati ibu bapa. Justeru, pemerhatian ini telah menunjukkan bahawa kes penderaan dan pengabaian warga emas masih menjadi suatu masalah sosial dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

## **WARGA EMAS MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA**

Sehingga artikel ini ditulis, masih belum wujud apa-apa pindaan peruntukan undang-undang khusus terkait warga emas misalnya di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Usaha awal Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyatakan bahawa satu rang undang-undang warga emas akan dicadangkan bagi dibentangkan di Parlimen ini juga nampaknya masih belum berjaya dilaksanakan. Walaupun demikian, penulis berpandangan bahawa cadangan pelaksanaan ini merupakan satu

permulaan positif dalam mewujudkan perundangan untuk melindungi hak warga emas dalam isu penderaan dan pengabaian.

Perkara pertama yang perlu dilihat dalam membicarakan soal warga emas adalah tentang had umur berkaitan hal ini, penulis mendapati tidak terdapat definisi yang khusus berkaitan had umur warga emas disebabkan oleh perbezaan pendapat dan definisi. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meletakkan usia 55 tahun sebagai umur minimum warga emas. Manakala di Malaysia, definisi warga emas ini boleh dirujuk kepada Dasar Warga Emas Negara (DWEN) bahawa warga emas ialah individu yang mencapai usia 60 tahun dan ke atas. Had usia 60 tahun ini juga bertepatan dengan takrif yang diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2019).

Terdapat cadangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang mengusulkan agar umur warga emas diubah daripada 60 tahun kepada 65 tahun (Amree Ahmad, 2020: tt). Cadangan ini merupakan respon kepada satu kajian oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menunjukkan bahawa bilangan warga emas pada tahun 2050 dijangkakan akan mencapai 2 bilion. Manakala, Malaysia pula akan dijangka mencapai lebih 15% daripada populasi rakyat pada tahun 2035. Dengan hasil-hasil kajian yang telah dilakukan ini, Malaysia dijangka akan mencapai negara tua atau *ageing nation* iaitu dengan peratusan penduduk berusia 60 tahun ke atas mencapai 15.3 peratus.

UN membahagikan penuaan kepada tiga kategori. Pertama ialah *ageing society* yang merujuk kepada peratusan penduduk berusia 65 tahun ke atas mencapai 7 peratus. Kedua, *aged society* yang mencapai 14 peratus dan ketiga ialah *super-aged society* yang telah mencapai 20 peratus. Tambahan pula, menurut Statistik Jangkaan Hayat Malaysia 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia juga, bayi yang lahir pada tahun 2021 dijangka hidup sehingga umur 75.6 tahun. Umur tersebut ialah had umur seorang warga emas di Malaysia.

Jadual 2: Jangkaan Hayat Ketika Lahir di Malaysia

TAHUN	JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR
2017	74.4
2018	74.6

2019	74.8
2020	75.1
2021	75.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia. Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2019-2021.

Berdasarkan Jadual 2 di atas, jelas menunjukkan jangkaan hayat ketika lahir rakyat Malaysia sejak lima tahun kebelakangan ini semakin meningkat dari tahun ke tahun dan ini merupakan faktor utama penuaan penduduk. Jangkaan hayat ini adalah purata baki umur seseorang dijangka dapat hidup pada permulaan umur tertentu dengan andaian kadar kematian tertentu adalah sama sepanjang hayat. Oleh itu, adalah dirasakan perlu supaya Malaysia terus memulakan langkah dalam persediaan mencapai negara tua.

Dasar Kebajikan Masyarakat Negara yang mula digubal pada tahun 1990 juga meletakkan warga emas sebagai salah satu kumpulan sasaran yang diberikan tumpuan ekoran daripada masalah sosial yang semakin meningkat seperti penganiayaan terhadap orang tua. Masalah sosial seperti ini pastinya akan mengganggu kesejahteraan negara dan meninggalkan impak yang negatif. Islam juga menyatakan bahawa masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat itu sebagai fasad fi al-ardh wa yasfiku al-dima' iaitu kerosakan dan pertumpahan darah di muka bumi (Najib Ahmad Marzuki et.al., 2006, 1-20). Hal ini adalah bertepatan dengan satu objektif kedatangan Islam untuk menyempurnakan akhlak manusia. Perkara ini sepertimana yang diterangkan oleh Riwayat Ahmad, sabda Rasulullah S.A.W:

*Maksudnya: Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.*

Oleh itu Dasar Kebajikan Masyarakat Negara ini digubal untuk mewujudkan suatu keadilan sosial dalam masyarakat di Malaysia. Menurut statistik, bilangan penerima dan jumlah bantuan yang diberikan kepada warga emas pada tahun 2020 juga meningkat kepada 139,552 orang berbanding tahun 2018 seramai 134,461 orang. Statistik yang dikeluarkan ini juga merupakan sumber dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Undang-undang yang wujud di Malaysia kini menyentuh tentang warga emas secara umum dan tidak memenuhi keperluan seorang individu yang dikategorikan sebagai warga emas. Ia tidak diperuntukkan di dalam satu akta

atau undang-undang warga emas yang khusus. Sebagai contoh, perkara 5 sehingga 13 Perlembagaan Persekutuan menyentuh tentang aspek kebebasan diri, kesamarataan undang-undang dan sebagainya secara umum kepada semua lapisan masyarakat termasuk warga emas (Hasiah Mat Salleh et.al., 2022:1-22). Perlembagaan tidak menyebut secara khusus kepada golongan warga emas semata-mata. Penggubalan Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521) pada asalnya adalah tujuan untuk memfokuskan kepada perlindungan wanita tanpa memberikan perhatian yang khusus kepada warga emas terutamanya yang tidak berkeluarga (Hasiah Mat Salleh et.al., 2022:1-22). Warga emas boleh mendapat perlindungan di bawah Akta Keganasan Rumahtangga 1994 melalui penggunaan istilah ‘ibu bapa’ atau ‘orang dewasa yang tidak berkemampuan’. Kedua-dua ini masih tidak mampu memberikan perlindungan yang menyeluruh kepada warga emas yang tidak mempunyai anak atau yang masih sihat.

## **PENDEREAAN DAN PENGABAIAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS**

Penderaan warga emas ialah keadaan apabila seseorang telah didera semasa dalam usia tuanya. Penderaan itu boleh terjadi sama ada dalam bentuk fizikal, seksual atau mental (Jal Zabdi Mohd Yusoff, 2009: 1-22). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan penderaan warga emas sebagai “*a single or repeated act or lack of appropriate action, occurring within any relationship where there is an exception of trust which causes harm or distress to an older person*”. Manakala pengabaian pula ialah “*a failure of a caregiver to discharge his obligation as such to an older person*” (Siti Zaharah Jamaluddin et al., 2017: 84-85).

Penderaan dan pengabaian ini boleh didefinisikan sebagai keganasan yang berlaku kepada warga emas. Hal ini kerana keganasan melibatkan penganiayaan yang dilakukan ke atas seseorang sama ada dengan perlakuan serangan, serang sentuh, gangguan, kekejaman fizikal dan mental atau apa-apa bentuk lain penganiayaan (Najib Ahmad Marzuki, 2006: 81-88). Misalnya, penderaan dan pengabaian secara mental yang melibatkan herdikan, makian, meraikan dan tidak memberikan sokongan kepada perkara yang mereka ingin lakukan dan sebagainya (Najib Ahmad Marzuki, 2006: 81-88). Walau bagaimanapun, kes pengabaian warga emas menjadi satu isu dari sudut yang lain kerana ia sukar ditentukan sama ada ia dilakukan dengan sengaja atau tidak sengaja, ia boleh dilakukan oleh anak-anak atau penjaga dan sebagainya.

Penderaan secara fizikal adalah satu tindakan yang agresif terhadap tubuh badan termasuk perbuatan menampar, menolak, menendang, memukul dengan objek dan sebagainya. Perlakuan secara fizikal ini apabila dilakukan kepada tubuh seorang yang tua pasti akan meninggalkan kesan yang lebih teruk berbanding tubuh badan seorang yang muda. Contohnya, satu kejadian yang berlaku di Kedah, seorang anak bertindak memukul dan menendang bapa tirinya kerana enggan memberikan wang untuk membeli dada. Mangsa mengalami bengkak di bahagian kiri badan akibat daripada tingkah laku agresif pelaku tersebut (Wais Qorni Azizan, 2022). Contoh lain ialah tindakan seorang wanita menengking dan memukul ibu kandungnya sehingga mendatangkan kecederaan. Kejadian ini berlaku akibat dari satu perbalahan yang berpunca akibat air tangki bilik air di rumah kehabisan yang menyebabkan pelaku tidak boleh mandi (Normawati Adnan, 2022). Sebaliknya, pengabaian secara fizikal adalah suatu keadaan apabila kehidupan warga emas itu tidak diendahkan dari sudut keperluannya, kesihatan dan sebagainya.

Selain itu, golongan warga emas terutamanya wanita juga tidak terlepas daripada penderaan seksual yang berlaku ke atas mereka. Satu kejadian yang berlaku di Johor Bahru, seorang lelaki telah ditahan polis kerana disyaki menceroboh pusat kebajikan orang tua dan merogol seorang wanita warga emas yang sedang tidur. Justeru, daripada kes-kes yang dilaporkan di dada-dada akhbar ini, warga emas turut terdedah kepada pelbagai jenis penderaan ini. Setiap penderaan dan pengabaian yang berlaku pasti akan meninggalkan kesan yang besar mahupun yang kecil.

## **FAKTOR PENDORONG PENDERAAAN DAN PENGABAIAN WARGA EMAS**

Apabila seseorang individu mencapai usia warga emas, golongan ini akan lebih bergantung kepada ahli keluarga yang lain atas faktor kesihatan dan sebagainya (Jal Zabdi Mohd Yusoff, 2009: 1-22). Antara faktor pengabaian warga emas yang berlaku pada zaman kini adalah disebabkan oleh kehidupan anak-anak yang bekerjaya (Nadiah Mohamed Daud et.al., 2021: 29-296). Kehidupan mereka pastinya lebih dipenuhi dengan waktu bekerja di mana hal ini sekaligus akan mengurangkan komunikasi antara anak dan ibu bapa. Jurang komunikasi antara ibu bapa dan anak ini juga boleh menjadi faktor penderaan dan pengabaian warga emas ini. Sebagai contoh, kasih sayang atau ikatan kekeluargaan yang erat dalam ahli keluarga tidak dipupuk sejak kecil yang menyebabkan hubungan ibu bapa dan anak tidak erat. Oleh sebab itu, apabila ibu bapa sudah menjangkau usia tua, anak-anak berasa kekok untuk

menjaga ibu bapa. Hal ini seterusnya akan membawa kepada pengabaian ibu bapa.

Ibu bapa adalah idola kepada anak-anak semasa kecil. Setiap perlakuan akan dicontohi oleh anak-anak sama ada baik atau buruk. Sekiranya ibu bapa adalah seorang yang turut mengabaikan atau mendera datuk dan nenek, perkara itu akan berulang kepada diri mereka sendiri. Ia akan berulang sehingga ke cucu cicit sekiranya perkara ini tidak diubah dan berterusan menjadi normalisasi dalam masyarakat (Nadiah Mohamed Daud et.al., 2021: 29-296). Perkara ini juga merupakan salah satu faktor yang membawa kepada isu penderaan dan pengabaian ibu bapa di masa hadapan.

Struktur perkembangan negara yang pesat pada hari ini menyebabkan perubahan sosial dan ekonomi dalam masyarakat. Tambahan pula, kesan daripada pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia dalam tempoh tiga tahun ini telah menjelaskan ekonomi negara termasuklah pasaran kerja di seluruh dunia yang merosot (Engku Shariful Azni, 2022). Menurut Mohd Rizauddin Noor, hampir 53 peratus rakyat Malaysia berdepan dengan masalah kewangan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Akibat dari masalah kewangan yang dihadapi ini, pelaku bertindak melepaskan amarah kepada warga emas atau ibu bapa yang tua walhal ia adalah satu bentuk kezaliman yang teruk dan tidak berperikemanusiaan (Siti Fatihah Awang,2022).

Selain itu, masalah kewangan yang dihadapi pada zaman sekarang juga salah satu faktor utama kepada kes penderaan dan pengabaian warga emas ini. Warga emas yang tidak mempunyai simpanan kewangan akan merasakan impak yang besar akibat dari kewangan ini. Individu yang meningkat usia ini akan berdepan dengan komplikasi kesihatan seperti kanser, strok, jantung dan sebagainya yang memerlukan kepada kos rawatan yang tinggi. Keluarga yang tidak mempunyai taraf hidup yang baik juga pasti tidak mampu menampung semua kos perubatan lalu menyebabkan kehidupan warga emas itu diabaikan atau dihantar ke pusat jagaan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022).

## **IMPAK PENDERAN DAN PENGABAIAN TERHADAP WARGA EMAS**

Isu penderaan dan pengabaian yang berlaku terhadap warga emas ini perlu diambil perhatian oleh setiap lapisan masyarakat kerana ia akan melibatkan pelbagai kesan terutama dari aspek kesihatan. Hal ini kerana, lumrah kehidupan seorang manusia apabila telah meningkat usia, mereka akan mudah berdepan dengan pelbagai masalah kesihatan. (Nadiah Mohamed Daud et.al., 2021: 29-296). Contohnya, warga emas yang didera akan mengalami tekanan psikososial, gemuruh dan trauma atau *post-traumatic stress disorder* (PTSD).

Sesetengah kes yang berlaku juga mungkin boleh menyebabkan kematian. Suatu dapatan yang dibuat di Eropah menunjukkan bahawa 2500 individu warga emas meninggal dunia akibat penderaan (Siti Zaharah Jamaluddin et al., 2017: 84-85).

Selain itu, institusi kekeluargaan dalam masyarakat kita pada masa hadapan juga akan membimbangkan kerana rasa hormat kepada golongan yang lebih tua akan hilang. Masyarakat juga seterusnya akan terus memandang warga emas sebagai golongan yang menyusahkan dan membebankan. Hal ini disebabkan oleh pergantungan hidup mereka kepada orang sekeliling. Walhal menjaga kebijakan dan memenuhi segala keperluan warga emas itu adalah salah satu bentuk balasan patut diberikan kepada mereka atas segala pengorbanan dan sumbangan yang mereka telah lakukan semasa muda kepada keluarga dan masyarakat.

## **PERLINDUNGAN WARGA EMAS YANG DIBERIKAN MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA**

Aspek perundangan amat penting bagi memastikan penguatkuasaan dalam membanteras kes penderaan dan pengabaian ini dapat dilakukan dengan sistematik. Namun begitu, sejauh manakah perundangan sedia ada dapat memastikan perlindungan warga emas di Malaysia dijamin? Oleh itu, penelitian perundangan ini dilaksanakan untuk mengkaji perlindungan warga emas di Malaysia yang sedia ada dan seterusnya menganalisis keberkesanannya dalam melindungi hak-hak warga emas yang menjadi mangsa penderaan dan pengabaian ini.

Setiap undang-undang yang digubal adalah untuk kesejahteraan dan keharmonian kehidupan rakyatnya termasuk undang-undang berkaitan dengan perlindungan kepada warga emas ini. Undang-undang perlindungan warga emas dibuat di Malaysia juga antaranya adalah untuk menyahut prinsip *United Nation Principles for Older Persons (UNPOP) 1991*. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mewujudkan prinsip ini yang juga dikenali sebagai Resolusi 46/91. Antara prinsip yang ditekankan adalah tentang kebebasan, penyertaan, penjagaan, kepuasan diri dan maruah. Secara asasnya, prinsip-prinsip ini turut menjadi rujukan kepada pembentukan Dasar Warga Emas Negara.

Jika dilihat dari sudut undang-undang perlindungan warga emas, suatu undang-undang khusus yang mengandungi segala peruntukan berkaitan warga emas itu masih dalam perancangan untuk dilaksanakan seperti Rang Undang-undang Warga Emas yang merupakan langkah positif untuk melindungi

warga emas secara holistik di Malaysia. Suatu keperluan untuk menggubal undang-undang khusus untuk warga emas ini adalah amat penting di mana undang-undang ini akan berperanan untuk melindungi setiap aspek hak-hak warga emas sesuai dengan umur dan keperluan mereka sebagai persediaan menghadapi negara tua menjelang tahun 2035. Walaupun undang-undang sedia ada di Malaysia ada meletakkan hak warga emas di dalamnya, namun ia masih belum mampu melindungi warga emas secara menyeluruh dan sewajarnya. Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus yang melindungi warga emas, namun terdapat remedи yang memberi perlindungan kepada golongan ini seperti yang terkandung di dalam undang-undang berikut:

### **1. Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521)**

Akta ini banyak disebut apabila timbulnya kes berkaitan penderaan isteri atau anak dan oleh kerana itu masyarakat beranggapan bahawa Akta ini hanya terpakai kepada kes keganasan rumah tangga yang melibatkan isteri, suami dan anak-anak sahaja. Walau bagaimanapun, Akta ini sebenarnya lebih banyak memenuhi aspek perlindungan warga emas serta menjadi rujukan utama dalam kes penderaan dan pengabaian warga emas. Seksyen 2 Akta ini mendefinisikan keganasan rumah tangga sebagai perlakuan satu perbuatan atau lebih yang berikut:

- a) secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan atau cuba meletakkan, mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- b) menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepertutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- c) memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukan;
- d) mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu;
- e) melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu;
- f) menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa;
- g) menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperoleh dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau

- h) dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain.

Seksyen ini juga menjelaskan bahawa keganasan rumah tangga itu boleh dilakukan oleh seseorang kepada pihak-pihak berikut:

- a) isteri atau suami
- b) bekas isteri atau bekas suami
- c) kanak-kanak
- d) orang dewasa tidak berkeupayaan
- e) mana-mana anggota keluarga lain seperti ibu, bapa, abang, kakak, adik, anak lelaki atau anak perempuan dewasa.

Jelas di sini, istilah warga emas tidak dinyatakan dengan jelas di dalam peruntukan namun dapat difahami bahawa warga emas termasuk dalam penggunaan ‘orang dewasa tidak berkeupayaan’ boleh ditakrifkan sebagai individu yang lemah dari segi fizikal, mental, tidak sihat atau disebabkan usia tua yang tinggal sebagai seorang ahli keluarga. Walau bagaimanapun, istilah ‘ibu bapa’ dan ‘orang dewasa tidak berkeupayaan’ tidak boleh digunakan secara meluas dan ia masih tidak mampu memberi perlindungan yang menyeluruh kepada golongan warga emas warga emas yang tidak mempunyai anak atau yang sihat (Mashitan Nabees Khan, et.al., 2021: 22-27). Hal ini kerana, dalam zaman yang serba moden kini, dapat dilihat sesetengah warga emas masih mempunyai kesihatan yang baik dan berkeupayaan dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Oleh itu, Akta ini dirasakan kurang sesuai untuk digubal secara khusus bagi warga emas kerana pada awal penggubalan Akta ini ia adalah bertujuan untuk melindungi hak isteri. Selain dari Akta ini yang mempunyai limitasi kepada warga emas yang berkeluarga sahaja, ia juga tidak mempunyai peruntukan berkaitan penderaan emosi serta eksplotasi kewangan yang sering dihadapi oleh warga emas pada zaman sekarang.

## **2. Kanun Keseksaan (Akta 574)**

Kanun Keseksaan merupakan undang-undang yang menjadi rujukan utama bagi melindungi mangsa bagi kes jenayah seperti bunuh, penculikan, rogol dan kecederaan. Oleh itu, antara kesalahan yang sering dilakukan terhadap warga emas yang menyebabkan kecederaan misalnya boleh didakwa menurut

Seksyen 323 dan 325 Kanun Keseksaan. Seksyen 323 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

*323. Hukuman kerana dengan sengaja menyebabkan cedera*

*Barang siapa, kecuali dalam hal yang diperuntukkan oleh Seksyen 334, dengan sengaja menyebabkan cedera, hendaklah dihukum dengan pemerjaraan selama tempoh yang boleh sampai setahun, atau dengan denda yang boleh sampai dua ribu ringgit, atau dengan kedua-duanya.*

Manakala Seksyen 325 Kanun Keseksaan pula memperuntukkan:

*325. Hukuman kerana dengan sengaja menyebabkan cedera parah*

*Barang siapa, kecuali dalam hal yang diperuntukkan oleh seksyen 335, dengan sengaja menyebabkan cedera parah, hendaklah dihukum dengan pemerjaraan selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda.*

Kedua-dua seksyen ini boleh terpakai terhadap setiap individu yang menjadi mangsa kecederaan termasuk warga emas dan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah adalah berbeza bergantung kepada tahap kecederaan yang dialami oleh mangsa. Contohnya, di dalam kes *Tan Peng Huat lwn Tan Hee Soon*<sup>4</sup> mahkamah mengarahkan defendant membayar pampasan sebanyak RM45,000 atas kecederaan yang dialami oleh plaintif yang berusia 68 tahun.

Untuk mensabitkan kesalahan yang dilakukan oleh ahli keluarga kepada warga emas, Kanun Keseksaan ini hendaklah dibaca bersama dengan Akta Keganasan Rumahtangga 1994 supaya ia boleh disabitkan sebagai satu jenayah keganasan dan seterusnya tindakan undang-undang boleh diambil. Hal ini bertepatan dengan kehendak Seksyen 3 Akta Keganasan Rumahtangga 1994.<sup>1</sup>

Walaupun kesalahan terhadap warga emas boleh dihukum dengan peruntukan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan ini, namun ia masih bersifat umum dan tidak mempunyai istilah khas bagi warga emas yang diletakkan di dalam Kanun Keseksaan. Bahkan, tidak semua kes boleh dibaca bersama Akta Keganasan Rumahtangga 1994. Maka, undang-undang yang

---

<sup>1</sup> Seksyen 3 Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521). ‘Akta ini hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang melibatkan kesalahan yang berhubungan dengan keganasan rumah tangga.

khusus tentang perlindungan terhadap warga emas itu masih belum diwujudkan sehingga hari ini dan penulis merasakan ia adalah wajar untuk dilaksanakan.

### **3. Undang-Undang Keluarga Islam Negeri**

Secara umumnya, undang-undang keluarga Islam Negeri adalah peruntukan undang- undang yang menyentuh tentang hal ehwal orang Islam seperti urusan perkahwinan, pereraian, harta sepencarian, mutah, nafkah dan lain-lain. Misalnya, Seksyen 61 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 memberi ruang kepada warga emas yang tidak berkemampuan untuk memperoleh nafkah daripada anak dengan memperuntukkan bahawa:

*61. Kuasa Mahkamah untuk memerintah nafkah bagi seseorang tertentu*

*Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang bertanggungan tentang hal itu mengikut Hukum Syarak supaya membayar nafkah kepada seorang lain jika dia tidak upaya, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari mencari kehidupan oleh sebab kerosakan otak atau jasmani atau tidak sihat dan Mahkamah berpuas hati bahawa memandang kepada kemampuan orang yang pertama tersebut itu adalah munasabah memerintahkan sedemikian.*

Namun begitu, undang-undang keluarga Islam negeri juga masih belum dapat memberi perlindungan yang menyeluruh terhadap kes penderaan dan pengabaian warga emas. Hal ini kerana, seksyen ini menyatakan tentang pembayaran nafkah kepada seorang yang tidak berkemampuan dan tidak menyatakan tentang hak ibu bapa yang masih sihat untuk mendapatkan nafkah dari anak. Oleh sebab itu, kes pengabaian nafkah ibu bapa oleh anak masih banyak berlaku dan masih belum mendapat solusi yang sebaiknya. Perkara ini adalah berbeza dengan Singapura di mana mereka mempunyai satu undang-undang khusus iaitu Akta Nafkah Ibu Bapa 1995 atau *Maintenance of Parents Act 1995* yang memperuntukkan bahawa anak-anak perlu memberikan nafkah kepada ibu bapa yang berumur 60 tahun ke atas yang dibuat melalui permohonan kepada tribunal (Mustafa ‘Afifi Ab Halim et.al. 2019: 42-48). Tribunal kemudiannya akan memerintahkan supaya anak tersebut menyara hidup ibu bapa yang tidak berkemampuan untuk menanggung kehidupan sendiri (Mashitah Nabees Khan et.al. 2021: 22-27). Justeru, penulis merasakan amat penting agar aspek hak dan perlindungan warga emas itu diperincikan lagi dalam perundangan agar tidak berlaku pertikaian dan seterusnya dapat mengurangkan kes penderaan dan pengabaian warga emas ini.

## **ANALISIS KEBERKESANAN UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN BAGI WARGA EMAS**

Di dalam bahagian ini, penulis menganalisis keberkesanan undang-undang dari sudut penguatkuasaan dan pelaksanaannya melalui kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah. Aspek yang dikaji oleh penulis adalah sama ada hak warga emas dalam sesuatu kes itu terbela dan sama ada ia menepati kehendak sesuatu undang-undang perlindungan bagi warga emas itu atau tidak.

### **1. Kes Mohamad Syahruwan bin Abdullah lwn Pendakwa Raya (2019) 1 LNS 9978**

Perayu di dalam kes ini telah dipertuduh dengan kesalahan di bawah Seksyen 392 Kanun Keseksaan kerana telah menyamun seorang wanita warga emas yang berusia 69 tahun semasa kejadian di Machang, Kelantan. Seksyen 392 memperuntukkan barang siapa melakukan rompakan hendaklah dihukum dengan pemerlukan selama tempoh yang boleh sampai empat belas tahun dan hendaklah juga dikenakan denda atau sebat.

Perayu telah menyamun beg tangan yang mengandungi telefon bimbit, kunci kereta, kunci rumah dan wang tunai sebanyak RM275. Perayu merompak beg mangsa yang diletakkan di dalam bakul motosikal lalu dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada mangsa. Perlakuan ini menyebabkan perayu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 394 Kanun Keseksaan iaitu: 394. Dengan sengaja menyebabkan cedera semasa melakukan rompakan.

Jika mana-mana orang, semasa melakukan rompakan atau semasa mencuba melakukan rompakan, dengan sengaja menyebabkan cedera, maka orang itu, dan mana-mana orang lain, yang bersesama menyertai semasa melakukan atau mencuba melakukan rompakan itu, hendaklah dihukum dengan pemerlukan selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun dan hendaklah juga dikenakan denda dan sebat.

Perayu telah mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kota Bharu dan dihukum dengan penjara 9 tahun dan 4 sebatan. Perayu kemudiannya membuat rayuan untuk meringankan hukuman dengan alasan bahawa beliau sedang menjaga dan menanggung dua orang ibu bapanya yang sudah tua. Mahkamah Rayuan mengekalkan hukuman Mahkamah Sesyen dengan alasan bahawa kecederaan yang dialami oleh mangsa adalah agak teruk dengan mengambil kira bahawa beliau ialah seorang warga emas. Perayu sepatutnya memikirkan tentang kedua-dua orang tuanya sebelum bertindak melakukan samun ini. Mahkamah tidak boleh mengenepikan faktor bahawa seorang wanita warga

emas yang sedang menaiki motosikal disamun lalu menyebabkan kecederaan ke atasnya. Tambahan pula, kejadian itu sudah pasti meninggalkan trauma ke atas mangsa. Mahkamah berpandangan bahawa hukuman 9 tahun penjara adalah hukuman yang tidak lari jauh dari trend hukuman pada masa itu dan oleh itu, Mahkamah mengekalkan sabitan.

## **2. Kes Khalil Ahmad Iwn Kamal Khalil (2004) CLJ (Sya)10**

Di dalam kes ini, plaintif iaitu bapa kepada defendant telah membuat tuntutan nafkah kerana defendant telah gagal memberi sebarang nafkah kepada plaintif selama 10 tahun. Tuntutan dibuat di bawah Seksyen 60 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983 yang menyatakan bahawa:

Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang bertanggungjawab tentang hal ini mengikut Hukum Syarak supaya membayar nafkah kepada orang lain jika ia tidak upaya sepenuhnya atau sebahagiannya untuk mencari kehidupan oleh sebab kerosakan otak atau jasmani atau tidak sihat dan mahkamah berpuas hati bahawa memandang kepada kemampuan orang yang pertama tersebut itu adalah munasabah memerintahkan sedemikian.

Plaintif menyatakan bahawa defendant wajib menafkahinya sebagai anak dan oleh itu plaintif memohon:

- a) Bayaran nafkah sebanyak RM500 sebulan
- b) Tunggakan nafkah RM36,000 bagi kadar RM300 sebulan
- c) RM2000 bagi membayar hutang perubatan ibu tiri defendant yang sedang sakit

Plaintif ialah seorang bekas polis manakala defendant ialah seorang pensyarah di Universiti Teknologi Maklumat dan telah berkeluarga dengan pendapatan sebanyak RM3154 sebulan. Keluarga ini telah berpecah belah akibat pertikaian tentang tuntutan sempadan harta berhampiran dari kedua-dua pihak. Plaintiff menolak pemberian wang dari defendant dengan perasaan marah kerana defendant tidak menziarahinya. Di dalam keterangan, defendant menyatakan bahawa plaintiff sememangnya ada memberikan sumbangan semasa dia di bangku persekolahan dahulu.

Mahkamah telah mengarahkan plaintif dan defendant untuk mencapai perdamaian dengan cara Sulh namun tiada persetujuan dicapai. Mahkamah memutuskan untuk membenarkan sebahagian tuntutan dengan alasan bahawa memberi belanja kepada ibu bapa itu adalah wajib dengan syarat anak itu mempunyai kelebihan dari segi keperluan dan ibu bapa tidak mempunyai

kekayaan. Plaintiff telah berusaha dengan tenaganya sendiri untuk mencari pendapatan namun disebabkan oleh kehendak hutang dan sebagainya, plaintiff memerlukan bantuan defendant. Oleh itu, dengan mengambil kira pendapatan dan kemampuan defendant, Mahkamah memerintahkan defendant membayar RM2000 bagi membayar hutang perubatan dan sejumlah RM200 tiap-tiap bulan kepada plaintiff sebagai nafkahnya.

Berdasarkan penghakiman kes-kes di atas, jelas bahawa hak warga emas di Malaysia masih dilindungi walaupun undang-undang tidak menyatakan secara khusus. Warga emas masih diberikan hak-hak mereka sama seperti golongan muda yang lain. Undang-undang itu meliputi setiap golongan namun ia memerlukan beberapa penambahbaikan yang tidak lain tidak bukan untuk kebaikan golongan warga emas pada masa hadapan. Misalnya, Seksyen 60 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983 tidak menyebut dengan khusus perkataan ‘warga emas’. Peruntukan itu juga tidak meliputi perintah nafkah kepada ibu bapa yang masih sihat. Oleh sebab itu, keperluan kepada penggubalan undang-undang warga emas perlu dilaksanakan dan dipercepatkan.

### **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN WARGA EMAS DI MALAYSIA**

Berdasarkan kepada analisis-analisis perundangan di atas, dapat dilihat bahawa keperluan penggubalan satu undang-undang khusus untuk warga emas adalah diperlukan di Malaysia. Cadangan kerajaan untuk memperkenalkan akta khusus bagi melindungi kebijakan warga emas itu adalah amat tepat memandangkan jumlah mereka yang semakin bertambah saban tahun (Berita Harian, 2019).<sup>1</sup> Hal ini adalah ekoran kes penderaan dan pengabaian warga emas yang semakin meningkat dan masih terdapat banyak lagi kes yang tidak dilaporkan. Selain untuk menjamin kebijakan warga emas di negara kita, langkah ini juga adalah sesuai sebagai satu persediaan Malaysia menjadi negara tua menjelang tahun 2035 (Raihanah Abdullah et.al., 2020: t.t.).

Undang-undang sedia ada di Malaysia sememangnya memberikan perlindungan kepada warga emas namun ia hanyalah secara umum dan tidak menyentuh pelbagai aspek kehidupan warga emas seperti emosi dan kewangan. Undang-undang tersebut boleh dikatakan masih berbentuk tidak komprehensif dan holistik untuk menjamin kemaslahatan warga emas atas sebab terdapat lakuna yang masih boleh ditambah baik dari masa ke masa. Malaysia boleh mengambil pendekatan untuk menggubal Akta Warga Emas sepetimana Akta Kanak-Kanak 2001 yang khusus kepada kanak-kanak dibuat. Hal ini adalah

penting untuk mengawal kes penderaan dan pengabaian warga emas pada masa hadapan. Undang-undang berkaitan warga emas ini juga lebih sesuai diletakkan di bawah undang-undang tort kerana melibatkan kecuaian dan pengabaian. Melalui ini, remedи dan hukuman boleh dilaksanakan di mana remedи adalah untuk mengubati warga emas yang didera atau diabaikan dan hukuman adalah untuk pesalah (Muhammad Hazim, et.al., 2019: 83-90).

Selain itu, satu cadangan agar Malaysia menetapkan had umur warga emas yang khusus di dalam undang-undang turut boleh dilakukan oleh kerana tiada penetapan dan kesepakatan tentang berapa had umur warga emas itu sama ada di Malaysia maupun luar negara. Sebagai contoh, negara maju meletakkan had umur warga emas ialah 65 tahun dan ke atas memandangkan kehidupan warga emas mereka pada usia tersebut masih sihat dan bertenaga. Di samping itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Kebajikan dan Masyarakat mengkategorikan warga emas kepada tua muda, tua-tua dan paling tua-tua. Kategori ini dibuat bagi memudahkan pendekatan aktiviti sesuai dengan lapisan usia yang berbeza. Manakala Dasar Warga Emas Negara pula meletakkan umur 60 tahun dan ke atas sebagai kategori warga emas. Oleh itu, langkah untuk meletakkan penetapan kepada had usia warga emas ini mungkin boleh dibuat sebagai permulaan kepada hari yang cerah dan bagi memudahkan pelbagai urusan berkaitan warga emas di Malaysia pada masa hadapan.

Oleh kerana, kes penderaan dan pengabaian warga emas ini kurang dilaporkan di Malaysia berbanding kes penderaan isteri atau kanak-kanak, maka pihak kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memperkenalkan tugas melaporkan kejadian penderaan dan pengabaian warga emas ini melalui undang-undang yang sesuai. Hal ini bagi membolehkan intervensi secara formal dilaksanakan dalam kes-kes jenayah yang melibatkan warga emas ini. Inisiatif ini juga dapat dilaksanakan dengan lebih baik lagi jika adanya kerjasama dari masyarakat sekeliling yang turut membantu dalam melaporkan kejadian penderaan dan pengabaian warga emas yang berlaku dalam komuniti mereka. Sikap masyarakat Malaysia yang cakna terhadap persekitaran mereka adalah amat penting dan sangat membantu dalam mengurangkan kes penderaan dan pengabaian warga emas ini. Sistem sokongan yang melibatkan masyarakat setempat ini sebenarnya secara tidak langsung dapat menjadikan sesebuah komuniti itu lebih prihatin mengenai masalah dan keperluan warga emas dalam kawasan mereka.

## KESIMPULAN

Warga emas berhadapan dengan fasa kehidupan yang paling mencabar kerana mereka mengalami perubahan dari segi fizikal, emosi dan mental. Oleh kerana itu, Islam melarang melakukan perbuatan kasar dengan golongan warga emas dan mereka hendaklah dihormati memandangkan perasaan mereka terusik pada peringkat ini. Islam memuliakan setiap umatnya termasuk warga emas. Hal ini kerana umum mengetahui bahawa seseorang yang telah mencapai usia tua, sudah tidak mampu bekerja kerana mempunyai kekurangan dari sudut fizikal dan akal fikiran. Sekiranya mereka tidak dibantu dari segi makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal ini sudah pasti ia akan menjelaskan taraf hidup dan kesihatan mereka. Oleh itu, artikel ini menunjukkan terdapat keperluan untuk menggubal satu undang-undang yang khusus kepada warga emas di Malaysia berbanding hanya merujuk kepada Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), Kanun Keseksaan, dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 yang jelas menunjukkan terdapat lakuna yang masih perlu ditambah baik agar ia boleh digunakan secara menyeluruh untuk menjamin hak warga emas di Malaysia. Malah, kes-kes pengabaian dan penderaan warga emas yang berlaku juga menunjukkan bahawa undang-undang di Malaysia masih perlu ditambahbaik agar lebih bersedia dalam menuju negara tua pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- “Kes Dera Warga Emas Berkurang Enam Tahun Lalu”, *Berita Harian Singapura*, 2021, <https://www.beritaharian.sg/setempat/msf-kes-dera-warga-emas-berkurang-tahun-lalu>, diakses pada 21 Mei 2022.
- Amir Abd Hamid. “Draf Rang Undang-Undang Warga Emas sedang disusun”, *Harian Metro*, 2021, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/763344/draf-rang-undang-undang-warga-emas-sedang-disusun>, diakses pada 2 Jun 2022.
- Amree Ahmad. “Takrif Usia Warga Emas Masih Kekal 60 Tahun”, *Utusan Malaysia*, 2020, <https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/takrif-usia-warga-emas-masih-kekal-60-tahun/>, diakses pada 2 Jun 2022.
- Bernama. “Akta khusus untuk warga emas dikaji – Dr Wan Azizah”, *Astro Awani*, 2019, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/akta-khusus-untuk-warga-emas-dikaji-dr-wan-azizah-218325>, diakses pada 2 Jun 2022.
- Bernama. “Ceroboh pusat kebajikan, rogol warga emas”, *Harian Metro*, 2021, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/11/776429/ceroboh-pusat->

- kebijakan-rogol-warga-emas, diakses pada 2 Jun 2022.
- Engku Shariful Azni. “peluang pekerjaan graduan semakin merosot”, *Sinar Harian*, 2021, <https://www.sinarharian.com.my/article/146151/BERITA/Nasional/Peluang-pekerjaan-graduan-semakin-merosot>, diakses pada 10 Jun 2022.
- Hasiah Mat Salleh, Mohd Norhusairi Mat Hussin dan Raihanah Hj Abdullah. “Perlindungan Hak Warga Emas Dalam Perundangan Di Malaysia”, *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 34(1) (2022). 1-22.
- Hasiah Mat Salleh dan Siti Marsitah Mohd Mokhtar. “Sorotan Literatur Terhadap Faktor Pengabaian Warga Tua Dalam Komuniti Di Malaysia, Cabaran Revolusi Industri 4.0”, *Jurnal Al-Haady*, 1(1) (2020), 51-61.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2019-2021.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Statistik Pemerkasaan Wanita Dalam Domain Terpilih, Malaysia, 2021.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. “Jenayah Dalam Keluarga: Penderaan dan Pengabaian Warga Tua di Malaysia” International Conference on Corporate Law (ICCL) 2009 (Surabaya, 1-3 June 2009), 1-12.
- Kamus Dewan*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1933).
- Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).
- Kementerian Kesihatan Malaysia, “Warga Emas Terabai”, dikemaskini pada 31 Januari 2017, diakses pada 15 April 2022, <http://www.myhealth.gov.my/warga-emas-terabai/>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, “Dasar Kebajikan Masyarakat Negara”, diakses pada 15 April 2022, [https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/Dasar\\_Kebajikan\\_Masyarakat\\_Negara.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/Dasar_Kebajikan_Masyarakat_Negara.pdf)
- Mardhiah binti Abdullah Rahim, “Perlindungan Ekonomi Dan Peruntukan Nafkah Warga Emas: Kajian Pelaksanaan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur” (disertasi ijazah sarjana muda, Universiti Malaya, 2017).
- Mashitah Nabees Khan, Nor ‘Adha Abd Hamid dan Sharifah Hana Abd Rahman. “Undang-undang Perlindungan Warga Emas Bagi Kesejahteraan Institusi Keluarga”, *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 13, (2021), 22-27.
- Mohd Azis Ngah. “Akta Khas Mampu Lindungi Kes Dera Warga Emas”, *Berita Harian Online*, 2019, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611837/akta-khas-mampu-lindungi-kes-dera-warga-emas>, diakses pada 21 Mei 2022.

- Mualimin Mohammad Sahid dan Setiayawan Gunardi. “Kedudukan Warga Emas Dalam Pandangan Adat dan Syariat” Persidangan Industri Warga Emas Peringkat Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah 2019, Universiti Sains Islam Malaysia, 206-211.
- Muhammad Abd Al-Rahman bin Abd Al-Rahim Al-Mubarakfuri, *Tuhfat Al-Ahwadhi bi Syarh Jami' Al-Tirmizi* (Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah, 2001).
- Muhammad Hazim Ahmad, Ruqayyah Razak, Nurul Syahirah Saharudin dan Ahmad Syukran Baharuddin. “Undang-Undang Penjagaan dan Kebajikan Warga Emas di Malaysia: Suatu Analisis Awal” Persidangan Industri Warga Emas Peringkat Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah 2019, Universiti Sains Islam Malaysia, 83-90.
- Nadiah Mohamed Daud, Mohd Norhusairi Mat Hussin dan Mohd Hafiz Jamaludin. “Keganasan Rumahtangga Di Malaysia: Satu Analisis Literatur”, *Journal of Shariah Law Research* 6(2) (2021), 273-296.
- Najib Ahmad Marzuki dan Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. *Undang-Undang & Kerja Sosial di Malaysia: Kaitannya dengan Pembangunan Keluarga* (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2006).
- Normawati Adnan. “Anak tendang, pukul ibu hingga cedera” *Sinar Harian*, 2021, <https://www.sinarharian.com.my/article/140047/BERITA/Semasa/Anak-tendang-pukul-ibu-hingga-cedera>, diakses pada 2 Jun 2022.
- Nuraina Hanis Abd Halim. “Kes Dera Ibu Bapa Naik 20% Musim PKP”, *Utusan*, 2020, <https://www.utusan.com.my/nasional/2020/07/kes-dera-ibu-bapa-naik-20-musim-pkp/>, diakses pada 21 Mei 2022.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad Al-Ansari, *Al Jami' li Akhdam Al-Quran* (Kaherah: Dar al-hadis, 2010).
- Raihanah Abdullah, Hasiah Mat Salleh. “Lindungi hak warga emas”, *Sinar Harian*, 2020, <https://www.sinarharian.com.my/article/103893/KHAS/Pendapat/Lindungi-hak-warga-emas>, diakses pada 26 Jun 2022.
- Siti Fatihah Awang. “Covid-19: 53 peratus rakyat berdepan tekanan uruskan kewangan”, *Sinar Harian*, 2020, <https://www.sinarharian.com.my/article/81132/KHAS/Covid-19/Covid-19-53-peratus-rakyat-berdepan-tekanan-uruskan-kewangan>, diakses pada 10 Jun 2022.
- Siti Zaharah Jamaluddin et al., *Protecting The Elderly Against Abuse and Neglect: Legal and Social Strategies* (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2017).
- Tan Sri Lee Tam Thye. “Wujud akta lindungi kebajikan warga emas

langkah tepat”, *Berita Harian*, 2019, <https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2019/10/612783/wujud-akta-lindungi-kebijakan-warga-emas-langkah-tepat>, diakses pada 26 Jun 2022.

Wais Qorni Azizan. “Nasib baik tak patah tengkuk” - Lelaki terajang bapa tiri ditahan polis”, mStar, 2022, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2022/02/16/nasib-baik-tak-patah-tengkuk---lelaki-terajang-bapa-tiri-ditahan-polis>, diakses pada 2 Jun 2022.

Al-Zuhayli, Wahbah. *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*, Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Zuhayli, Wahbah. *Tafsir al-Munir*, Beirut: Dar al-Fikr.

## **RUJUKAN STATUT**

Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521)

Kanun Keseksaan (Akta 574)

Perlembagaan Persekutuan

## **KES-KES**

Khalil Ahmad lwn Kamal Khalil (2004) CLJ (Sya)

Mohamad Syahruwan bin Abdullah lwn Pendakwa Raya (2019) 1 LNS 997